

# KENAL PASTI PUNCA KEBAKARAN

■ Arul sudah jalankan lebih 600 siasatan sejak 30 Januari 2012

## HATIBESI

Kalidevi Mogan Kumarappa  
kalidevi@hmetro.com.my

**M**engait pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), terbayang susah payah sekelompok individu berpakaian celoreng oren memadam kebakaran, membantu mangsa lemas, menyelamatkan mangsa terperangkap dalam lif dan pelbagai tugas menyelamat.

Namun, tidak ramai sedar mengenai pegawai di dalam JBPM menjalankan tugas siasatan selepas operasi memadamkan kebakaran dijalankan.

Individu di belakang tabir inilah mencari punca sesuatu kebakaran berbandukan bahan kimia atau bahan mudah bakar dalam sesuatu kejadian.

Minggu ini, Hati BESI menampilkan seorang daripada 242 pegawai penyiasatan kebakaran JBPM yang menjalankan penyiasatan kebakaran secara profesional dan kompeten.

Anak kepada seorang anggota bomba, Penolong Penguasa Bomba, Arul Chselvan Chalaya, 32, menyatakan tugasnya sebagai pegawai penyiasat kebakaran selari dengan naluri manusia untuk mengetahui punca sesuatu kejadian.

"Naluri atau sifat manusia adalah mengambil tahu apa punca sesuatu kejadian tidak kira kebakaran atau malapetaka. Saya ditugaskan secara rasmi melaksanakan penyiasatan kebakaran secara saintifik dan sistematik dalam mengenal pasti sebab, punca serta hal keadaan kebakaran.

"Jadi semestinya, kerjaya ini menarik dan mencabar minda," katanya yang sudah menjalankan lebih 600 siasatan kebakaran sejak 30 Januari 2012.

Arul yang menyertai JBPM pada 2 Mei 2011 ditempatkan di Bahagian Siasatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur sebaik tamat



### PROFIL

**Nama:** Arul Chselvan Chalaya  
**Umur:** 32  
**Status:** Bujang  
**Pangkat:** Penolong Penguasa Bomba  
**Tempat Bertugas:** Bahagian Siasatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur  
**Kelayakan:** Diploma Pengurusan, UNITAR

kursus dan latihan dan sehingga kini, dia masih berada di jabatan yang sama dengan pelbagai pengalaman yang menarik serta berguna.

Katanya, setiap pegawai di Bahagian Siasatan Kebakaran akan memastikan semua penyiasatan kebakaran dan penyediaan kertas siasatan pelanggaran kesalahan mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

"Setiap tugas yang kami lakukan termasuk mengumpul sampel di lokasi kejadian dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan jabatan dan setiap sampel yang dikumpul di lokasi kejadian akan dimasukkan di dalam beg nilon yang digunakan oleh pasukan siasatan

antarabangsa.

"Kemudiannya sampel berkenaan akan diserahkan kepada pegawai makmal Jabatan Kimia Malaysia yang ditempatkan di makmal forensik JBPM untuk tindakan lanjut termasuk mengenal pasti jenis bahan kimia yang digunakan," katanya.

Menurutnya, sampel itu akan dipanaskan lebih 15 minit untuk mengumpul wap sebelum dimasukkan ke dalam mesin 'gas chromatography mass spectrometer' untuk teknik pemisahan.

"Selepas ujian selesai dalam 20 minit, kami dapat menentukan jenis bahan kimia yang digunakan dalam sesuatu kejadian terutamanya yang membabitkan unsur khianat.

"Jenis bahan kimia ini akan ditentukan



FOTO SUPIAN AMAD

berdasarkan suhu dan masanya dan keputusan itu akan dimasukkan dalam laporan siasatan untuk tujuan pendakwaan," katanya.

Anak kelahiran Teluk Panglima Garang, Banting itu berkata, bagi kejadian berpunca daripada peralatan elektrik pula, sampelnya akan dianalisa melalui mikroskop khas sebelum dimasukkan dalam laporan siasatan.

Katanya, pemakluman awal setiap siasatan akan disiapkan dalam tiga hari sebelum kertas penyiasatan kebakaran disiapkan dalam tempoh 14 hari selepas siasatan dimulakan.

"Kertas siasatan pelanggaran kesalahan berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) pula akan disiapkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh aduan diterima.

"Kertas siasatan itu akan diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan lanjut bagi menentukan unsur khianat dan si pelakunya pula," katanya.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata, pengalaman setiap pegawai penyiasat kebakaran membolehkan mereka mengenal pasti jika ada unsur khianat bagi tujuan pendakwaan. Mereka perlu menjalankan tiga fasa siasatan termasuk menggunakan anjing K9

khas untuk penyiasatan kebakaran.

"Tetapi anjing itu tidak digunakan dalam semua kes, namun sekiranya kes yang membabitkan kepentingan awam, mangsa yang ramai atau orang kenamaan, siasatan menggunakan anjing K9 adalah satu kemestian.

"Ada kalanya, kami akan menghantar sampel siasatan ke makmal siasatan lain yang berdekatan seperti Selangor dan Putrajaya untuk keputusan lebih tepat contohnya dalam kejadian kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang mengorbankan 21 pelajar dan dua warden," katanya.

Mengenai pengalaman sukar dilupakannya sepanjang bertugas, Arul berkata, kejadian, kebakaran pusat tahfiz itu paling menghayat hati dan tragis pernah disaksikannya.

"Saya bertugas di shif kedua pada hari kejadian namun sebaik saya sampai di lokasi kejadian, saya menyaksikan sendiri mayat semua mangsa dalam keadaan bertimbun dan apabila semua mangsa itu yang disahkan di bawah umur, saya agak terganggu dari segi emosi namun demi tugas, emosi diketepikan dan kami komited untuk mencari punca kebakaran dalam usaha membantu tugas pendakwaan semua suspek," katanya.